

MODEL KOMUNIKASI QURANIK: KEPENTINGAN APLIKASINYA DALAM MELAHIRKAN PENGURUS MAKLUMAT BERWIBAWA.

Abu Sufian Abd Ghani^{1,a}, Siti Fatimah Tasir^{2,b}

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

^aabusufian792@kelantan.uitm.edu.my, ^bfatim003@kelantan.uitm.edu.my

Kata kunci: Maklumat, al-Quran, Komunikasi, Penyebaran Maklumat.

Abstrak. Secara umumnya komunikasi bertujuan untuk menyampaikan maklumat dan mesej kepada penerima melalui medium tertentu. Al-Quran merupakan kalam Allah diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w. dijadikan panduan dan mengandungi seribu macam maklumat untuk dikaji dan diselidik. Dalam penyebaran maklumat Islam telah mengutarakan beberapa prinsip komunikasi seperti yang terkandung dalam al-Quran. Prinsip ini perlu diaplikasikan agar matlamat pengurusan maklumat tercapai. Maklumat perlu disampaikan dengan niat dan tujuan kebaikan dan memberi manfaat kepada masyarakat. Maklumat disampaikan secara pantas melalui telekomunikasi dan sampai kepada sasaran dengan cepat. Dari segi perspektif Islam teknologi maklumat hanya sebagai alat untuk mempercepatkan proses penyampaian sesuatu maklumat. Berkualiti atau tidak sesuatu maklumat bergantung proses bagaimana maklumat itu diuruskan. Walaupun teknologi berubah namun prinsip penyebaran maklumat dan komunikasi yang terkandung dalam al-Quran perlu dihayati kerana ia sesuai untuk sepanjang zaman dalam apa jua media dan teknologi. Kertas kerja konsep ini cuba menentengahkan model komunikasi Quranik ke arah memastikan pengurus maklumat berlansung dalam susana positif, efektif dan mampu mengelakkan implikasi negatif yang kita hadapi dalam dunia maklumat kini.

1.0 Pendahuluan

Al-Quran merupakan wahyu Allah s.w.t. yang tidak boleh dipertikaikan kesahihan maklumatnya dan ia bersifat mutlak. Dalam Islam individu atau sumber yang mempunyai ilmu dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan kepada orang lain bagi membentuk masyarakat yang mengenali, memahami dan beriman kepada Allah. Allah s.w.t. telah melatakkan asas yang kukuh dalam al-Quran berkaitan dengan mengurus maklumat. Ia perlu dihayati dan diaplikasikan dalam melahirkan pengurus maklumat yang efektif dan profesional. Pengurus maklumat merupakan orang yang bertanggungjawab dalam beberapa proses pengurusan maklumat seperti pensetoran, pemprosesan dan penyebaran. Tardisi mengutamakan pensteroran dan penyebaran maklumat bukanlah perkara asing dalam kehidupan umat Islam. Usaha pensetoran seperti mengumpul, menganalisa dan mengembangkannya boleh dilihat dalam proses pembukuan al-Quran dan al-Hadis. Begitu juga dengan usaha pemprosesan seperti aktiviti menapis, menyaring dan menentukan keutamaan maklumat. Allah telah memberi peringatan dalam al-Quran tentang kepentingan menyelidiki, kenalpasti sumber dan pastikan dulu tentang kesahihannya, kerana implikasinya boleh membawa musibah yang besar kepada masyarakat sekiranya tidak dilakukan dengan teliti. Asas penyebaran maklumat dan kaedah komunikasi yang berkesan telah dinyatakan Allah s.w.t. dalam al-Quran yang seharusnya dihayati dan diaplikasi dalam setiap aktiviti pengurusan maklumat.

2.0 Pengertian Tajuk

Secara etimologi atau menurut asal kata asal dalam Bahasa Inggeris *communication, Communication* diambil daripada perkataan Latin *communication* dan bersumber daripada kata *communis* yang bererti sama. Sama di sini maksudnya adalah sama makna [1]. Komunikasi akan berlangsung apabila orang-orang yang terlibat terdapat kesamaan makna mengenai suatu hal yang dikomunikasikan. Oleh itu komunikasi dapat dierti sebagai satu proses secara tabii untuk mencari kesamaan makna dan mampu merapatkan hubungan manusia [2].

Dari sudut terminologinya, Komunikasi berarti proses penyampaian suatu pernyataan oleh seseorang kepada orang lain. Dari pengertian itu jelas bahwa komunikasi melibatkan sejumlah orang, di mana seseorang menyatakan sesuatu kepada orang lain. Jadi, yang terlibat dalam komunikasi itu adalah manusia. Karena itu, komunikasi yang dimaksudkan

di sini adalah komunikasi manusia atau dalam bahasa Inggeris “*human communication*”, yang sering kali pula disebut komunikasi sosial atau “*social communication*”. Menurut Schramm dan Roberts, Komunikasi adalah sebagai satu proses untuk berkongsi sesuatu orientasi terhadap satu tanda maklumat. Perkongsian sesuatu orientasi merangkumi penyaluran maklumat, idea serta sikap dan sebagainya [3]. Justeru itu bolehlah disimpulkan komunikasi merupakan satu proses penyaluran maklumat yang meliputi ucapan, tulisan, tingkah laku, tindakan, penampilan, autoriti dan sebagainya.

Islam telah menyediakan prinsip komunikasi yang unik dan menyeluruh. Setiap komunikasi yang berlangsung di antara manusia perlulah di landasi dengan adat-adat dan etika tertentu. Mesej atau berita yang hendak disampaikan oleh sumber kepada penerima dalam satu proses komunikasi hendaklah dipastikan terlebih dahulu tentang kesahihannya sebelum disebarkan demi untuk kebaikan diri dan masyarakat.

R. Agus menjelaskan bahawa gambaran komunikasi dalam konteks keislamannya adalah suatu usaha mempengaruhi, mengajak seterusnya memindahkan pemikiran, pengetahuan, perlakuan serta perbuatan yang tidak diredai Allah kepada yang diredai Allah [4]. Manakala A. Hasmy menyatakan bahawa komunikasi dalam Islam merupakan dakwah atau satu ajakan untuk menyakini serta mengamalkan aqidah dan syariah Islam [5]. Jelaslah secara umumnya, komunikasi menurut perspektif Islam adalah berkait rapat dengan dakwah. Bertujuan untuk menyampaikan satu mesej daripada penyampai kepada penerima melalui medium tertentu.

Pengertian al-Quran dari segi istilah merupakan kalam Allah s.w.t. yang bernilai mukjizat, diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w. dengan pengantaraan malaikat jibril a.s., yang termaktub dalam mashaf, dipindahkan secara mutawatir, membacanya dianggap ibadah. Dimulai dengan surah al-fatihan dan diakhiri dengan surah an-Nas [6]. Al-Quran yang ada sekarang menepati dengan pengertian di atas tetapi tidak sama dengan apa yang ada di zaman Rasulullah s.a.w., kerana al-Quran pada zaman tersebut tidak dituliskan dalam mushaf dan tidak dipindahkan secara mutawatir. Tujuan al-Quran diturun adalah untuk di baca, dihayati, dikaji dan mengambil berbagai ilmu yang terdapat didalamnya termasuklah ilmu berkaitan dengan pengurusan ilmu dan maklumat.

Kesimpulannya al-Quran merupakan kalam Allah sama ada dari sudut lafaz atau pun maknanya yang termaktub dalam *mashaf*, diturunkan di dalam bahasa Arab kepada Nabi Muhammad s.a.w., dipindahkan secara *mutawatir* dan membacanya adalah ibadah [7]. Al-Quran merupakan sumber utama maklumat dan ilmu, mengandungi 114 surah, 30 juzu’ dan lebih kurang 6666 ayat dan dikelaskan kepada ayat makiyyah dan ayat madaniyyah. Sumber primer yang pertama perlu dirujuk sebelum merujuk kepada sumber-sumber yang lain.

Pengurus maklumat pada asalnya adalah seorang guru samada ada apa jua jawatan atau posisi yang disandangnya. Ini termasuklah juga pengelola pusat sumber maklumat, organisasi maklumat, pustakawan, penerbitan maklumat, peniaga bahan maklumat, hos laman web dan sebagainya [8]. Menurut perspektif Islam, seorang guru haruslah mempunyai keterampilan sebagai seorang yang musrsyid. Mempunyai wawasan dan matlamat yang jelas dari maklumat yang disampaikan untuk menjadikan pengakses mempunyai ilmu dan menjadi lebih baik dan cemerlang dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Menurut Kamus Dewan, wibawa ialah sifat dan keistimewaan yang menjadi sesebuah penerbitan dan sebagainya dapat dipertanggungjawabkan dan dijadikan pegangan [9]. Sebagai rumusannya pengurus maklumat yang berwibawa ialah dilihat daripada sifat peribadinya boleh dipercayai ataupun tidak dan juga bagaimana ia mengurus maklumat dari aspek pensteroran, pemprosesan dan penyebaran maklumat sama ada boleh diterima atau tidak apa yang disampaikan.

3.0 Penyebaran Maklumat

Dalam meneruskan kehidupan di dunia ini manusia memerlukan kepada maklumat. Untuk memeprolehi maklumat manusia perlu berintraksi dan berkomunikasi dengan sumber ilmu samada secara lansung atau tidak lansung atau melalui saluran komunikasi bersemuka mahupun melalui media massa yang menyalurkan ilmu dan kepelbagaian maklumat. Kemajuan teknologi komunikasi maklumat (ICT) menjadi penggerak kepada penyebaran maklumat dengan pantas dan menjimatkan. Penyebaran maklumat tanpa sempadan telah memberi ruang yang begitu luas kepada masyarakat untuk berkongsi apa sahaja maklumat. Penyebaran maklumat tanpa kawalan boleh memberi kesan negatif sekiranya tidak diurus dengan betul.

Masyarakat di era ICT lebih mudah mengambil dan merujuk maklumat yang diterima melalui laman sesawan, blog serta media sosial dalam membuat sesuatu keputusan dan telah mempengaruhi cara pemikiran mereka. Kebergantungan kepada ICT boleh mendedahkan masyarakat kepada maklumat tidak tepat, maklumat berupa fitnah, provokasi dan sebagainya. Menurut Uthman El-Muhammady, banyak berita-berita atau maklumat-maklumat palsu yang boleh memecahbelahkan umat sedang asyik berlegar melalui internet. Menurut beliau internet merupakan *wasilah* untuk menyebarkan maklumat yang mana perisiannya terletak pada individu profesional maklumat atau manusia yang menguasainya [10]. Oleh itu amat penting masyarakat untuk menapis serta menyasiat terlebih dahulu sesuatu berita atau maklumat sebelum di amalkan atau disebarkan.

Dalam al-Quran Allah s.w.t. telah memberi peringatan yang jelas kepada manusia supaya meneliti sesuatu maklumat yang diterima tentang kesahihannya sebelum disebarkan atau diaplikasi dalam kehidupan. Dalam surah Surah al-Hujurat ayat 6 Allah s.w.t. telah memberi peringatan kepada manusia supaya menyelidik sesuatu berita yang diterima. firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikal (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini- dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya)- sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan”.

Dalam ayat di atas, Allah menjelaskan tentang berita yang disampaikan oleh orang yang fasik, perlulah diselidiki dan diteliti terlebih tentang kesahihannya. Orang fasik merupakan orang yang melakukan maksiat, meninggalkan perintah Allah, dan menyimpan dari jalan yang benar. Fasik juga bererti menyimpang dari agama dan cenderung kepada kemaksiatan, sebagaimana iblis melanggar perintah Allah s.w.t., yakni menyimpang daripada ketaatan kepadaNya. atau orang yang mengaku beragama Islam akan tetapi sentiasa berbuat dosa dan maksiat.

Penyebaran maklumat yang diperlolehi hasil dari sumber yang tidak tepat dan sahih. boleh mengundang musibat khususnya fitnah dan mencemar maruah individu atau masyarakat. Menghukum seseorang atau masyarakat tanpa ada bukti yang jelas dan kukuh bakal menzalimi mereka lantas mengundang ketidak harmonian dalam hidup bermasyarakat. Sebagai pengurus maklumat setiap maklumat yang diterima atau disebarkan perlu diteliti sumbernya. Sumber yang tepat dan sahih boleh dijadikan sandaran dan panduan, manakala sumber yang diragui dan dibawa oleh orang yang fasik perlu diteliti dan disiasat terlebih dahulu. Allah memerintah orang yang beriman untuk menyiasat terlebih dahulu berita yang disampaikan oleh orang-orang yang tidak berakhlak [11].

4.0 Komunikasi Quranik

Al-Quran telah menyediakan satu proses komunikasi yang unik dan menyeluruh. Ia seharusnya dijadikan sebagai panduan kepada setiap individu apabila melakukan interaksi dengan orang lain. Islam menekankan supaya mesej yang ingin disampaikan perlulah dipastikan terlebih dahulu tentang kesahihannya. Komunikasi yang berjaya ialah apabila mesej yang disampaikan itu diterima dengan baik oleh sasaran. Antara elemen komunikasi yang diutarakan dalam al-Quran yang perlu dihayati dan diaplikasikan oleh para pengurus maklumat dalam usaha melahirkan pengurus maklumat yang berwibawa ialah, *Qaulan Balighan*, *Qaulan Kariman*, *Qaulan Ma'rufan*, *Qaulan Layyinan*, *Qaulan Sadidan*, dan lain-lain.

1. *Qaulan Balighan (tepat sasaran, jelas mudah difahami)*

Mengurus maklumat secara berkesan dan jelas maksudnya. Sebagai pengurus dan penyebar maklumat prinsip ini perlulah diaplikasikan supaya maklumat yang disampaikan menepati dengan maksud, mudah difahami dan sesuai dengan sasaran. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Mereka itu orang-orang yangdiketahui oleh Allah akan apa yang ada didalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka, maka nasihatilah mereka serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan kepada hati mereka.

(an-Nisa :63)

Qaulan Balighan bermaksud menggunakan kata-kata yang efektif, tepat sasaran, mudah difahami dan terus kepada apa yang dibincangkan dalam penyampaian tersebut. Islam menyarankan supaya pengurus maklumat menyapaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang baik, lancar dan mudah difahami. Gaya bahasa dan nasihat yang disampaikan hendaklah sesuai dengan intelektual sasaran iaitu menggunakan bahasa yang difahami mereka. Perkara ini dapat difahami dengan merujuk kepada firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan kami tidak mengutuskan seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan dialah jua yamh maha kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Ibrahim , 13: 4)

Kesesuaian isi kandungan maklumat dengan tahap penerima perlulah dititikberatkan supaya apa yang disampaikan itu dapat difahami dan diterima dengan baik. Rasulullah s.a.w. menjelaskan dalam sabdanya yang bermaksud:

Berbicaralah kepada manusia sesuai dengan kadar akal mereka’

(H.R. Muslim)

Penyampaian yang tidak jelas dan dan tidak menepati dengan tahap pemikiran boleh mengelirukan pengakses yang terdiri daripada pelbagai lapisan dalam masyarakat. Penyebar maklumat mestilah memerhati kemampuan akal dan persiapan penerima untuk memahami bahan yang akan diberikan sehinggalah sasaran boleh menerima apa yang diampaikan.[12]. Penyembunyian sesuatu fakta atau maklumat adalah dilarang dalam Islam. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Barangsiapa yang menyampaikan kepada orang lain satu maklumat yang tidak difahami, maka ia telah berbuat krosakan (fitnah) di kalangan mereka.”

(Riwayat Muslim)

Qaulan Balighan berlaku apabila penyebar maklumat dapat menyentuh hati dan pemikiran sasaran secara serentak. Dalam menyampaikan wahyu kepada sasaran pada umumnya Rasulullah s.w.a. memberi ucapan yang ringkas, tetapi mempunyai maksud yang padat. Berbicara dengan wajah yang serius dan baginda selalu memilih kata-kata yang sebolehnya mungkin menyentuh hati para pendengarnya. Irbadh bin Sariyah, salah seorang sahabatnya bercerita: “Suatu hari nabi menyampaikan nasihat kepada kami. Bergetarlah hati kami dan berlinang air mata kami. Seorang diantara kami berkata Ya Rasulullah, seakan-akan baru kami dengar khotbah perpisahan. Tambahlah kami wasiat”.

2. *Qaul Kariman (perkataan yang mengandungi penghormatan)*

Pencarian, penyebaran dan penerimaan maklumat yang terkandung dalam aktiviti storan, akses dan pemakejan maklumat mestilah mengambil kira pendekatan secara positif dan memuliakan orang, terutamanya jika penerima maklumat tersebut lebih tinggi kedudukannya disisi Allah seperti ibubapa, ulama’, ataupun pemimpin [13]. Arahan supaya berbicara dengan baik kepada kedua ibubapa dijelaskan Allah s.w.t. dalam firmanNya yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibubapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedud-dua sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ah”, dan jangan engkau menengkin menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)”.

(al-Isra’’:23)

Ayat di atas memberi petunjuk bagaimana cara untuk berkomunikasi secara baik dengan kedua ibubapa terutama sekali apabila usia mereka telah lanjut. Yang pasti perkataan Qaulan Kariman, mengandungi setiap perkataan lembut, baik yang mengandungi unsur-unsur pemuliaan dan penghormatan. Perkataan yang boleh menyakitkan hati perlulah dielakkan kerana ia bertentangan dengan tuntutan agama Islam. Penyebar maklumat yang konsisten dengan mesej kebenaran dan didukung pula dengan integriti peribadinya yang mulia bukan sahaja mampu mengubah sasaran, tetapi juga membangun integriti dirinya.

3. *Qaulan Sadidan (perkataan yang benar)*

Dalam aspek pengurusan maklumat, yang dimaksudkan dengan Qaula Sadidan ialah maklumat yang tepat, sebenar dan tidak ditokok tambah sehingga mengelirukan kefahaman penerima. Pemakejan maklumat dan penyebarannya mestilah mengambikira kesahihan sumbernya. Pengurus maklumat khususnya dan umat Islam amnya agar sentiasa memelihara maklumat yang disebarkan dalam bentuk asli, tepat dan benar dengan maksud asalnya [14]. Prinsip ini perlu dilaksanakan untuk membendung permasalahan maklumat berupa fitnah dan palsu tidak tersebar dikalangan masyarakat. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang da’if (yatim) dibelakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)”.

(An-Nisa: 9)

Firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 70 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar”.

Rasulullah s.a.w. menjelaskan dalam sabdanya berkaitan dengan kesan bercakap tidak benar boleh membawa seseorang

kepada neraka. Yang bermaksud :

“Jauhi dusta, karena dusta membawa kamu pada dosa, dan dosa membawa kamu pada neraka. Lazimkanlah berkata jujur, karena jujur membawa kamu pada kebajikan, membawa kamu pada surga”
(HR. Muttafaq ‘Alaih).

4. Qulan Ma’rufan (perkataan yang baik)

Ma’ruf ialah segala bentuk perbuatan yang dinilai baik oleh akal dan syara’. Perkataan yang baik, ungkapan yang pantas, santun, menggunakan sindiran yang tidak kasar, tidak menyinggung perasaan. Jelaslah disini menunjukkan bahawa Qaulan Ma’rufan ialah perkataan atau perbicaraan yang boleh mendatangkan kepada manfaat dan kemaslahantan ummah.

Manakala dalam aspek pengurusan maklumat pula melibatkan proses pengaksesan, penstoran, pemakejan dan penyebaran maklumat berlaku dalam suasana yang baik dan menepati dengan tuntutan syara’. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (hata) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berikah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu perniagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik”.

(An-Nissa :5)

“Dan tidak ada salahnya bagi kamu (secara sindiran), untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam ‘iddah), atau tentang kamu yang menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut (atau mengingati) mereka, (yang demikian itu tidaklah salah, akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka di dalam sulit, selain dari menyebutkan kata-kata (secara sindiran) yang sopan.”

(Al-Baqarah:235)

Qaulan Ma’rufan adalah ungkapan yang jujur dan mendidik serta dapat menjadi teladan kepada masyarakat. Penyebar atau pengurus maklumat hendaklah menghindari daripada menggunakan perkataan yang kotor dan lucah. Realiti yang berlaku hari ini perkataan seperti ini sudah menjadi lumrah dan sering diucapkan dalam bentuk komunikasi bersemuka ataupun melalui tulisan yang boleh kita dapati melalui media cetak atau elektronik.

5. Qaulan Layyinan (perkataan yang lembut)

Qaulan Layyinan bererti pembicaraan yang lemah-lembut, dengan suara yang enak didengar, dan penuh keramahan, sehingga dapat menyentuh hati. Rasulullah s.a.w. selalu bertuturkata dengan lemah lembut kepada siapa pun, baik kepada keluarganya, kepada kaum muslimin, maupun kepada manusia yang belum beriman. Qaulan layyinan sangat efektif untuk mencapai tujuan dan mendapatkan *feedback* yang positif.

Sebagai pengurus maklumat aspek ini perlu difahami dan diaplikasikan dalam penyampaian sesuatu maklumat. Mesej yang disampaikan haruslah dalam bentuk yang tidak kasar, tidak keras, tidak bernada tinggi dan tidak menyakitkan hati sasaran serta menggunakan telekomunikasi secara beradab dan beretika. Allah s.w.t. telah menjelaskan dalam firmanNya yang bermaksud:

“Pergilah kamu berdua kepada Fir’aun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga ia beringat atau takut”..

(Taha: 43)

Allah SWT telah menyuruh kepada Nabi Musa dan Nabi Harun agar berbicara dengan lemah-lembut, tidak kasar, kepada Fir’aun. Dengan Qaulan Layyina, hati yang keras dan kasar akan merasa tersentuh dan jiwanya tergerak untuk menerima kebenaran. Ibn Kathir dalam tafsirnya telah menjelaskan: pergilah kamu berdua kepadanya dan bicaralah dengan kata-kata yang lemah lembut, serta bersikap simpatik dan bersahabat padanya [15]. Dalam berbicara yang termasuk dalam maksud Qaulan layyinan ialah berusaha menyakinkan pengakses atau sasaran apa yang disampaikan itu rasional dan tidak bermaksud merendahkan pendapat atau pandangan orang lain. Ini maksud sebenarnya tujuan utama dakwah adalah mengajak orang lain kepada kebenaran, bukan untuk memaksa dan menunjukkan kekuatan.

Perkataan yang berupa hinaan dan ejekan terhadap sasaran perlulah di jauhi. Allah s.w.t. telah menjelaskan dalam firmanNya yang bermaksud:

“Wahai orang-orang-orang beriman! Janganlan satu puak (dari kaum lelaki) mencemooh dan merendahkan-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemoohkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemooh dan merendahkan-rendahkan puak perempuan yang lain (kerana) harus puak yang dicemooh itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan ke’aipan setengahnya yang lain; dan jangan pula kau memanggil antara satu dengan lain dengan gelaran yang buruk..”.

(al-Hujurat:11)

Ayat di atas merupakan larangan Allah s.w.t. melarang kita menghina dan mengejek-ejek orang lain sebab kemungkinan orang yang kita hina dan ejek itu lebih mulia daripada kita sendiri [16]. Islam menganjurkan kepada orang beriman agar menggunakan komunikasi yang lemah lembut kepada siapa pun. Menggunakan komunikasi yang lemah lembut jauh dari pemaksaan dan permusuhan ketika menyampaikan maklumat menyebabkan sasaran merasa dihargai dan lahiriah dalam hatinya keakraban dengan penyebar dan menyebabkan mereka terus ingin mendengar apa yang disampaikan. Allah s.w.t. melarang bersikap keras dan kasar dalam berdakwah, karena kekerasan akan mengakibatkan dakwah tidak akan berhasil malah ummat akan menjauh.

5. Kesimpulan.

Prinsip komunikasi dalam penyebaran maklumat yang dipaparkan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran perlu difahami sebelum diaplikasikan dalam menyebarkan maklumat. Pemilihan kaedah komunikasi yang tepat mampu mengubah perilaku dan persepsi sasaran. Sebagai seorang muslim apa sahaja yang kita lakukan akan dikira sebagai ibadah selagi mana kita niatkan perbuatan kita itu kerana Allah swt dan perkara tersebut memberi manfaat kepada orang lain. Begitu juga dengan aktiviti penyebaran maklumat melalui apa jua media, kita mengharapkan pahala dan keredhaan Allah swt. Ibadah yang kita lakukan perlulah disertai dengan niat dan juga etika kerja yang baik, berintegriti dan profesional. Oleh itu setiap pengurus maklumat perlulah lebih peka dan prihatin dengan etika serta prinsip komunikasi Quranik yang telah dibincangkan di atas agar aktiviti penyebaran maklumat dilakukan dengan penuh berhemah dan tidak lari dari batas-batas yang telah ditetapkan dalam syariat Islam.

Rujukan

- [1] Onong Uchjana Effendi, M.A. (1986), Dinamika Komunikasi. Bandung: Penerbitan Remadja Karya CV.
- [2] S.Salahudin Suyurno et.al (2012).Agama Pencetus Komunikasi Interpersonal yang Sempurna. Kertas dalam Prosiding dibentangkan dalam Mombongkar Rahsia Pendidikan Islam, Brunei: Pusat penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- [3] Schramm, W. dan D. Roberts. (1971). The process and effects of Mass communication. Urban: University of Illinois Press.
- [4] R. Agus Toha Kuswata. (1990). Komunikasi Islam dari zaman ke zaman. Sunt. Mochammad Achyar Hasan. Jakarta: Arikha Media Cipta.
- [5] A. Hasymy. (1974). Dustur Da’wah Menurut al-Quran. Jakarta; bulan Bintang
- [6] Al-Sabuni, Muhammad ‘Ali. (1970). Al-Tibyan fi ‘Ulum al-Quran. Beirut: Muassasah al-Risalah
- [7] Haron din et.al. (1988). Manusia dan Islam ,cet. Ke 4. Kuala lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- [8] Mohd Nor Mamat dan Siti Fatahiyah Mahamood. (2011). Etika Maklumat dan Komunikasi Islam, Selangor: Mashi Publication Sdn Bhd.
- [9] Teuku Iskandar. (1989). Kamus Dewan Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [10] Muhammad Uthman El-Muhammady. Maklumat dan Perkembangan Islam Melalui Internet. *Seminar Cabaran Teknologi Maklumat dan Internet: Agenda Umat Islam*, IKIM 25-26 Mac, 1997.
- [11] Johari Hj. Alias. (2003). Mengawal tutur kata. Kuala lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [12] Ibn Khaldun. (2002). Muqaddimah,(Edisi Terjemahan. Kuala lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [13] Mohd Nor Mamat dan Siti Fatahiyah Mahamood. (2011). Etika Maklumat dan Komunikasi Islam, Selangor: Mashi

Publication Sdn Bhd.

[14] Mohd Nor Mamat dan Siti Fatahiyah Mahamood. (2005). *Sains Informasi Perspektif Peradaban dan Pengurusan Islam*. Selangor: Mashi Publication Sdn Bhd.

[15] Katsir, Ibnu, *Tafsir Ibnu Katsir*. (1990). *Terjemah dan Tafsir. terjemahan Salim Bahreisy, Said Bahreisy, PT. Bina Ilmu*.

[16] Johari Hj. Alias. (2003). *Mengawal tutur kata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.